

10 NOV 2002

Abdullah-SAR (Bergambar)

KERAJAAN TUNGGU LAPORAN MENGENAI SEKOLAH AGAMA RAKYAT

KOTA BAHARU, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan sedang menunggu laporan daripada Kementerian Pendidikan yang membuat kajian mengenai status semua sekolah agama rakyat (SAR) dan memastikan mereka benar-benar mengajar agama, sebelum menimbang pemberian semula bantuan perkapita.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap SAR berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

"Tempoh penggantungan bantuan perkapita kepada sekolah agama rakyat bergantung kepada laporan daripada Kementerian Pendidikan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa dan tahlil bersama kira-kira 6,000 orang rakyat di Yayasan Kemiskinan Kelantan di Peringat dekat sini hari ini.

Bulan lepas, kerajaan mengumumkan menghentikan sementara bantuan perkapita kepada semua SAR berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakan bantuan itu bagi tujuan politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata keputusan kerajaan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Abdullah berkata sekolah tidak sepatutnya digunakan untuk tujuan politik kerana ia bukan tempat untuk berpolitik, sebaliknya ia merupakan tempat untuk mengajar ilmu.

Timbalan Perdana Menteri turut menafikan laporan Harakahdaily.net yang menyebut bahawa beliau menganggap kehadiran pelajar-pelajar SAR sebagai membazirkan masa semata-mata dan mereka sepatutnya mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan.

Abdullah berkata beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan seumpama itu dan menyifatkan laporan lidah rasmi PAS bertarikh 8 Nov lepas sebagai tidak bertanggungjawab.

Ketika berucap, Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan akan meneruskan usaha menyediakan kemudahan pendidikan secukupnya kepada segenap lapisan masyarakat memandangkan ilmu pengetahuan amat penting untuk kemajuan bangsa dan negara.

Kerajaan akan memastikan semua bidang ilmu terutamanya sains dan teknologi mampu dikuasai oleh rakyat sebaik mungkin kerana tanpa ilmu pengetahuan rakyat akan menjadi bangsa yang lemah, katanya.

Sehubungan itu, katanya rakyat perlu bersedia dan berusaha untuk menguasai ilmu pengetahuan berkenaan memandangkan kini penguasaannya masih lemah.

"Penguasaan kita dalam ilmu pengetahuan belum maju sebab itu negara belum maju seperti negara-negara barat...(oleh itu) Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menetapkan Wawasan 2020 untuk mencapai matlamat itu," katanya.

Beliau berkata umat Islam di negara ini perlu mengambil iktibar daripada kejayaan umat Islam pada zaman lampau hasil kegigihan mereka menerokai bidang ilmu yang menyaksikan banyak penyelidikan dilakukan dengan hasil yang terbaik.

Abdullah juga berkata kerajaan sedang berusaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat secara berterusan.

Yang turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, Timbalannya Datuk Annuar Musa dan Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

-- BERNAMA  
BD ROS